

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: University Teaching and Learning Centre
Sent: 07 Julai 2015 16:27
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - UTLC
Subject: UUM BANGUNKAN EMPAT KURSUS MALAYSIA MOOCs



Pusat Pengajaran
Pembelajaran Universiti
UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE

Universiti Utara Malaysia

07 JULAI 2015 (SELASA) | 20 RAMADHAN 1436H

=====

"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM BANGUNKAN EMPAT KURSUS MALAYSIA MOOCs



UTLC Online: 5 Julai - Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Universiti (UTLC), Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Pusat Pengajian Antarabangsa, Pusat Pengajian Perniagaan Islam dan Pusat Pengajian Pengkomputeran sedang membangunkan *Malaysia Massive Open Online Course (MOOC)* untuk diambil oleh pelajar dari 20 Universiti Awam (UA) Malaysia. MOOC ialah kursus yang ditawarkan secara online, melibatkan bilangan pelajar berskala besar dan terbuka kepada pelajar yang berminat tanpa lokasi had sempadan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) telah menggariskan agar pembelajaran dalam talian dan *blended learning* sebagai asas kepada kurikulum, dengan memberi galakan agresif ke atas MOOC. Sehubungan dengan itu, UUM telah diberi tanggungjawab oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membangunkan empat kursus MOOC untuk digunakan oleh semua pelajar UA Malaysia pada semester depan. KPM, melalui Jawatankuasa Teknikal MOOC telah memilih kursus *Export Management, Islamic Banking, International Business* dan *Programming 2* untuk dibangunkan oleh pihak UUM.

Timbalan Pengarah (Teknikal) UTLC, Dr. Muhamad Shahbani Abu Bakar memaklumkan pembangunan MOOC ini melibatkan empat pusat pengajian dan 20 orang pensyarah dari empat kursus yang dipilih oleh KPM. Beliau menambah, aspek kualiti pembangunan MOOC perlu diberi keutamaan kerana ianya merupakan kursus yang akan digunakan oleh semua pelajar UA Malaysia dan dapat dicapai oleh komuniti akademik seluruh dunia.

Pihak UTLC telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dan perbincangan dengan pensyarah yang terlibat dan telah memulakan beberapa siri rakaman video pengajaran sebagai bahan kandungan Malaysia MOOC. Sesi rakaman video pengenalan kursus *International Business* telah dijalankan bersama Dr. Sabariah Yaakub dari Pusat Pengajian Antarabangsa pada 11 Jun 2015 lepas manakala rakaman video pengajaran bagi kursus *Islamic Banking* bersama Dr. Rosemaliza Ab. Rashid dari Pusat Pengajian Perniagaan Islam telah diadakan pada 30 Jun 2015. Lokasi penggambaran video pengenalan kursus yang dipilih ialah di sekitar perkarangan Anjung Tamu dan Pusat Islam UUM.

Peratus kemajuan pembangunan Malaysia MOOC yang dilaksanakan oleh pihak UTLC dianggarkan sekitar 50-60% dan dijangka akan disiapkan pada awal bulan September 2015.



Gambar: Sesi Penggambaran Video Pengenalan MOOC Bersama Dr. Sabariah Yaakub di Perkarangan Pusat Islam UUM.



Gambar: Sesi Penggambaran Video Pengenalan MOOC Bersama Dr. Rosemaliza di Perkarangan Anjung Tamu UUM



Gambar : Portal Open Learning - Islamic Banking Management.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <http://utlc.uum.edu.my/>



DARIPADA:
 PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)
 UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
 06010 UUM SINTOK
 KEDAH DARUL AMAN.
 TEL : 04-928 4697
 FAKS : 04-928 4702
 E-MEL : utlc@uum.edu.my



Universiti Pengurusan Terkemuka



Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
 (Please don't print this e-mail unless necessary)